

BINA

EDISI JULAI - SEPTEMBER 2009 NO ISSN: 1985-7632

Integriti

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

Strengthening the **Image & Professionalism** of the Construction Industry

- **Menteri Kerja Raya Menerajui Program Pembangunan Integriti Industri Pembinaan Negara**
- **Compliance with the Laws and Regulations**
- **Basic Issues and Framework for Corporate Excellence**



Penasihat

Datuk Ir. Hamzah Hasan
Ketua Eksekutif CIDB Malaysia

Tan Sri Dato' Dr. Ir. Wan Abdul Rahman Wan Yaacob
Pengerusi - Jawatankuasa Pembangunan
Integriti Dalam Industri Pembinaan (Sesi 2009)

Ketua Editor

Megat Kamil Azmi Megat Rus Kamarani

Editor

Ida Zuraida Mohd Yusoff
Nur Faeza Hamdan Fadel

Penulis Undangan

Gursharan Singh
Prof. Syed Abdul Hamid Al-Junid

Urus Setia

Rosli Zainon
Mohd Azwan Ramli
Noor Faezah Abdul Halim

Terbitan

CIDB Malaysia



Bahagian Pembangunan Kontraktor
Sektor Pembangunan Kontraktor &
Personel Binaan, CIDB Malaysia.
Level 10A, Grand Seasons Avenue
No 72, Jalan Pahang
53000 Kuala Lumpur Malaysia

Tel: 6-03-2617 0206/0255, 03-4042 8880
Fax: 6-03-2617 0340, 03-4042 2880
Email: bpk@cidb.gov.my



Isi Kandungan



- **4 FOKUS**
Pengukuhan Imej & Profesionalisme Industri Pembinaan Malaysia
- **6 APA ITU**
Program Penilaian Keupayaan & Kemampuan Kontraktor
- **8 KOD ETIKA**
Compliance with the Laws and Regulations Principle 2 of CODE of ETHICS FOR CONTRACTORS

- **10 BERITA UTAMA**
Menteri Kerja Raya Menerajui Program Pembangunan Integriti Industri Pembinaan Negara



- **12 PENULIS JEMPUTAN**
Basic Issues and Framework for Corporate Excellence

- **17 Program Latihan Pengurusan Kontraktor**

- **18 Kursus Integriti Kontraktor**

- **20 Borang Kursus**

**Nota Editor:**

Kami mengalu-alukan sebarang komen dan sumbangan artikel dari anda. Sebarang pertanyaan, komen dan penulisan hendaklah di emel ke bpk@cidb.gov.my.

Buletin Bina Integriti (dalam format PDF) boleh dimuat turun daripada www.cidb.gov.my

BINA INTEGRITI

BINA - Mencerminkan industri pembinaan Malaysia.

INTEGRITI - Melambangkan objektif utama penerbitan buletin ini iaitu untuk menjadi bahan rujukan dan perkongsian ilmu pengetahuan, makluman mengenai program-program penerapan integriti dalam industri pembinaan, penggalakkan budaya kerja berintegriti dan juga untuk mewarwarkan peranan CIDB dalam program-program berkenaan.

OBJEKTIF PENERBITAN

1. Memberi kesedaran kepada semua pemain industri negara akan kepentingan integriti di dalam bisnes binaan.
2. Menanamkan budaya kerja beretika dalam kerja-kerja pembinaan.
3. Mempertingkatkan tahap kepercayaan awam terhadap industri pembinaan negara.
4. Mempromosikan program anjuran Bahagian Pembangunan Kontraktor CIDB.
5. Mewarwarkan program-program pembangunan integriti anjuran CIDB.

Malaysia dikejutkan dengan 2 berita keruntuhan bangunan dalam jangka-masa kurang 1 bulan tidak lama dulu. Kenapa dan bagaimana ini boleh berlaku? Adakah kesilapan itu datang dari golongan kontraktor, konsultan, pekerja atau pemilik projek? Dalam hubungan ini, biarlah siasatan yang menentukan siapakah yang tidak bertanggungjawab dan seterusnya menerima hukuman yang setimpal.

Apa yang telah terjadi memanglah sangat dikesalkan. Apatah lagi dalam masa Malaysia begitu giat ingin mempromosikan golongan kontraktor dan profesional kita yang berwibawa ke luar negara, berita kejadian berkenaan sedikit sebanyak memberi imej industri pembinaan Malaysia yang tidak baik. Apa yang boleh kita ambil iktibar dari keadaan ini adalah kita tidak boleh leka malah sentiasa perlu mengingatkan semua penggiat-penggiat industri pembinaan untuk terus mengukuhkan aspek INTEGRITI di dalam semua tindakan mereka.

Penganjuran seminar oleh CIDB Malaysia pada 11 Jun yang lepas tepat pada masanya. **Seminar Integriti Industri Pembinaan 2009** dengan tema *"Strengthening the Image & Professionalism of the Construction Industry : The Way Forward"* berjaya membawa 3 orang penceramah yang berkecuali untuk mengingatkan semua peserta akan pentingnya aspek Integriti di dalam menjayakan program-program membangunkan industri pembinaan negara. Berita-berita mengenai program ini ada di dalam ruangan Berita Utama di muka surat 10.

Akhirnya, Edisi BINA INTEGRITI kali ini juga akan meneruskan penjelasan Prinsip-prinsip **Kod Etika Kontraktor; Prinsip 2 iaitu 'Pematuhan Peraturan dan Undang-Undang'**, pembaca akan dapat melihat kupasan aspek-aspek ini sepanjang pelaksanaan projek pembinaan di muka surat 8 dan 9.

Selamat membaca!

Ketua Editor

Mengenalpasti Kontraktor yang Berintegriti dan Berkaliber



Laporan akhbar sejak kebelakangan ini khususnya mengenai kejadian bangunan runtuh dan kualiti binaan yang rendah telah menyedarkan kita bahawa perlunya satu sistem untuk mengenalpasti kontraktor yang benar-benar berkeupayaan dan berkemampuan untuk melaksanakan projek-projek pembinaan.

Pihak CIDB telah mendaftar sehingga kini sebanyak 64,000 syarikat kontraktor dari Gred G1 hingga Gred G7. Bilangan ini boleh dikategorikan sebagai terlalu besar dibandingkan dengan jumlah projek pembinaan yang ditawarkan setiap tahun. Dalam hubungan ini, CIDB ingin memperkemas daftar ini dengan hanya mendaftar syarikat kontraktor yang layak dan kompeten.

Program Penilaian Keupayaan & Kemampuan Kontraktor (SCORE) telah dibangunkan untuk tujuan tersebut dan akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat. Langkah ini diharap dapat memberikan profil kontraktor-kontraktor yang benar-benar berkualiti dan mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam industri pembinaan tempatan dan luar negara. Selain dari itu, penghayatan kepada prinsip-prinsip Kod Etika Kontraktor mampu meningkatkan integriti kontraktor dan sekaligus dapat memelihara imej dan profesionisme industri pembinaan Malaysia.

Sebagai agensi yang diamanahkan untuk membangunkan industri pembinaan Malaysia secara keseluruhan, CIDB ingin turut mengajak semua penggiat-penggiat industri termasuklah semua lapisan profesional, pemaju, kontraktor dan pekerja untuk meningkatkan praktis integriti dalam cara berfikir, merancang dan mengambil tindakan mengikut panduan serta disiplin yang telah digariskan, menjaga amanah dan tanggungjawab yang digalas mengikut peranan masing-masing. Saya percaya sekiranya ini dapat dilakukan, tahap keyakinan masyarakat umum terhadap industri pembinaan akan meningkat.

DATUK IR. HAMZAH HASAN
Ketua Eksekutif

No part of this bulletin may be reproduced without the written permission of CIDB Malaysia. Opinions expressed in BINA INTEGRITI are the writers' and may not necessarily reflect the opinion of CIDB Malaysia. CIDB Malaysia is not responsible or liable in any way for the content in articles, photographs or illustration contained in this publication. The editorial team reserves the right to edit and/or re-write all materials according to the needs of the publication upon usage.

PENGUKUHAN IMEJ & PROFESIONALISME INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

Petikan Ucapan Perasmian
MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA
Y.B. DATO' SHAZIMAN BIN ABU MANSOR

Bersempena Majlis Perasmian: SEMINAR INTEGRITI INDUSTRI PEMBINAAN 2009

11 JUN 2009 (KHAMIS), PUSAT KONVENSYEN CIDB, KUALA LUMPUR

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN INDUSTRI PEMBINAAN

Pembangunan kemudahan infrastruktur sememangnya memberikan sumbangan yang signifikan dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara bukan sahaja dalam membuka peluang-peluang perniagaan dan pekerjaan malah berupaya menarik kemasukan pelabur asing. Dengan adanya kemudahan infrastruktur yang lengkap, para pelabur asing akan lebih cenderung untuk menanam modal dan menjalankan aktiviti perniagaan termasuk seperti membuka kilang-kilang mahupun pejabat untuk mereka beroperasi di negara ini. Industri pembinaan memainkan peranan penting dalam menterjemahkan polisi sosio-ekonomi Kerajaan kepada bangunan dan infrastruktur di samping dapat mewujudkan kesan pengganda (*multiplier effect*) kepada industri-industri lain seperti pembuatan, pertanian dan perkhidmatan.

PEMBANGUNAN KONTRAKTOR DAN PEKERJA BINAAN

Malaysia mempunyai seramai lebih kurang 63,000 kontraktor dari pelbagai gred yang berdaftar dengan CIDB. Namun begitu, adakah bilangan kontraktor yang berdaftar ini

benar-benar tulen dan mampu bersaing untuk terus wujud dalam industri pembinaan di negara ini? Dalam hubungan ini, Kerajaan sememangnya komited dalam memastikan syarikat-syarikat kontraktor di dalam negara mempunyai kebolehan dan mampu untuk bersaing dalam pasaran terbuka secara efektif.

Negara amat memerlukan syarikat-syarikat kontraktor yang mempunyai tahap kekompetenan yang tinggi untuk bersaing dengan kontraktor luar. Dalam hubungan ini, beberapa perkara-perkara yang perlu diambil perhatian adalah seperti berikut:-

- Setiap kontraktor yang berdaftar adalah terdiri daripada mereka yang benar-benar layak serta mampu untuk mengurus dan

menyiapkan projek yang dilaksanakan dengan jayanya.

- Bilangan dan kemahiran pekerja binaan tempatan harus dipertingkatkan.
- Program-program latihan mestilah mampu mempertingkatkan kualiti pekerja dan seterusnya meningkatkan keupayaan kontraktor.
- Setiap personel binaan yang bekerja di tapak mempunyai tahap kemahiran yang tinggi
- Industri pembinaan negara kini yang dikendalikan secara berintensifkan buruh berproduktiviti rendah mestilah ditransformasikan ke arah industri yang berintensifkan kepada teknologi dan inovasi.





PENGLIBATAN LAIN-LAIN PIHAK PENGGIAT INDUSTRI PEMBINAAN

Proses pembelajaran dan peningkatan kemahiran ini tidak harus ditekankan hanya kepada pekerja, tetapi juga kepada penggiat-penggiat industri lain seperti kontraktor, konsultan dan pengilang komponen binaan. Kita mestilah sentiasa terbuka kepada pengenalan teknologi dan kaedah baru dalam pelaksanaan projek pembinaan seperti penggunaan kaedah *Industrialised Building system* (IBS). Oleh yang demikian, semua penggiat industri perlu sentiasa peka dan mempersiapkan diri dengan kompetensi yang mencukupi bagi merebut peluang dan bersaing di dalam industri pembinaan yang mencabar. Ini amat kritikal di dalam memastikan kelangsungan (*sustainability*) penggiat-penggiat industri kita dan juga sekaligus meningkatkan daya saing negara.

Pelbagai usaha dan inisiatif telah diambil oleh Kerajaan bagi memastikan semua pihak yang terlibat dalam industri pembinaan mendapat peluang yang sama rata terutamanya yang melibatkan projek-projek Kerajaan.

Salah satu daripadanya adalah cadangan penambahbaikan terhadap dasar pengagihan 10% nilai kontrak

kepada kontraktor kelas F. Diharap cadangan ini akan menyelesaikan masalah-masalah seperti tawaran kadar harga yang terlalu rendah oleh kontraktor utama, pengurusan kontraktor kelas F yang terlalu ramai di bawah kontraktor utama, kelewatan pelaksanaan projek oleh kontraktor utama dan skop kerja yang tidak jelas antara kontraktor utama dan kelas F yang kadangkala menyebabkan kontraktor kelas F terpaksa menanggung kerugian.

PEMBANGUNAN INTEGRITI DAN CABARAN-CABARAN INDUSTRI PEMBINAAN NEGARA

Beberapa peristiwa negatif yang terjadi sejak kebelakangan ini turut menyumbang terhadap persepsi negatif dan merupakan satu lagi titik hitam dalam industri pembinaan negara. Baru-baru ini negara kita



dikejutkan dengan dua insiden yang telah menjejaskan kredibiliti industri pembinaan dan juga telah mencemarkan imej negara di peringkat antarabangsa. Kejadian runtuh yang berlaku semasa kerja meroboh bangunan Jaya Supermarket di Petaling Jaya dan kejadian runtuh bumbung stadium Sultan Mizan Zainal Abidin di Gong Badak, Terengganu telah

mengundang bukan sahaja perhatian orang ramai, malah telah menyebabkan cara kita melakukan kerja dipersoalkan dan menjadi perdebatan umum.

Salah satu cara bagi kita menanamkan nilai integriti serta menjadikan ianya etika kerja industri pembinaan ialah dengan menganugerahkan kontrak dan projek-projek pembinaan kepada hanya mereka yang terbukti integritinya. Namun demikian pendekatan ini memerlukan satu kaedah yang boleh mengambilkira integriti di dalam proses penilaian. Saya memahami bahawa, ini bukanlah satu perkara yang mudah dan amat subjektif. Dalam hal ini, Lembaga-Lembaga Profesional yang mentadbir-urus bidang profesional di dalam industri pembinaan perlu meneruskan peranan mereka sebagai 'penjamin' integriti ahli-ahli mereka.

Kepentingan integriti sebenarnya bermula seawal fasa pemilihan kontraktor lagi yang mana hanya kontraktor yang betul-betul berkeupayaan sahaja yang selayaknya dipilih. Dalam hubungan ini, CIDB bertanggungjawab untuk menentukan firma-firma kontraktor diterajui oleh mereka mempunyai integriti yang tinggi, dan mengambil tindakan untuk membatalkan

pendaftaran firma dan syarikat yang telah terbukti mengadaikan integriti mereka. CIDB haruslah memperketatkan kriteria pendaftaran kontraktor berdasarkan kapasiti dan kapabiliti mereka di dalam usaha melahirkan golongan kontraktor yang berkaliber.

Bersambung ke muka surat 15

Program Penilaian Keupayaan & Kemampuan Kontraktor (SCORE)

Oleh: Bhg. Pembangunan Kontraktor Sektor Pembangunan Kontraktor & Personel Binaan CIDB Malaysia

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) merupakan satu badan berkanun dibawah akta 520 yang telah dipertanggungjawabkan untuk menjaga kepentingan industri pembinaan di Malaysia. Sehingga kini, mengikut rekod CIDB, seramai lebih 64,000 kontraktor yang berdaftar dengan

CIDB. Hampir separuh daripada jumlah tersebut merupakan kontraktor kelas Gred G1 atau kelas F. Manakala selebihnya adalah di dalam gred G2 ke atas. Pihak CIDB senantiasa berusaha untuk meningkatkan imej industri pembinaan dengan mewujudkan pelbagai program yang diperlukan oleh industri pembinaan di Malaysia.

Program Penilaian Keupayaan dan



SENARAI BILANGAN KONTRAKTOR BAGI SELURUH MALAYSIA UNTUK SEMUA KATEGORI SEHINGGA JUN 2009

GRED	AKTIF	TIDAK AKTIF	DORMAN	BARU	TOTAL
G1	28545	108	2502	2813	33969
G2	5380	49	791	1554	7775
G3	7446	99	1193	2151	10890
G4	1762	42	204	493	2501
G5	2467	55	367	610	3499
G6	949	20	135	196	1300
G7	3527	46	349	318	4241
TOTAL	50076	419	5541	8135	64175

Kemampuan Kontraktor CIDB adalah merupakan satu program penilaian yang dibangunkan oleh CIDB khusus bagi memberi tanda aras dan mempertingkatkan imej industri pembinaan bersesuaian dengan Pelan Induk Industri Pembinaan ; *Construction Industry Master Plan (CIMP)*. CIMP telah mencadangkan beberapa teras strategik dan inisiatif yang perlu diambil tindakan oleh CIDB bagi memperkasakan imej industri pembinaan dan menetapkan tanda aras kontraktor tempatan sepertimana yang dinyatakan di bawah.

Teras Strategik 2.0

Memantapkan Imej Industri Pembinaan
Strengthen the Construction Industry Image

Saranan 2.1.4

Mewujudkan rangka kerja dan melaksanakan penilaian prestasi
Implement performance assessment framework

PROGRAM SCORE

Dalam usaha untuk mengenalpasti keupayaan dan kemampuan kontraktor, pihak CIDB dengan kerjasama *SME Corporation Malaysia*, (*SME Corp*) ; dahulu dikenali sebagai *Small Medium Industry Development Corporation*, (*SMIDEC*) telah merangka satu program untuk menilai keupayaan dan kemampuan kontraktor yang sedia ada berdaftar dengan CIDB. Melalui program ini, keupayaan dan kemampuan kontraktor akan diukur berdasarkan kepada 7 parameter seperti berikut:

- Prestasi Perniagaan (Business Performance)
- Keupayaan Kewangan (Financial Capability)
- Keupayaan teknikal (Technical Capability)
- Pengurusan Projek (Project Management)
- Pengurusan Perolehan (Procurement Management)
- Amalan Terbaik (Best Practices)
- Keupayaan Pengurusan (Management Capability)



Melalui penilaian tersebut, CIDB akan memberi *rating* 0 – 5 bintang kepada para kontraktor. *Rating* 0 adalah tahap yang paling asas dan *rating* 5 bintang adalah tahap yang paling tinggi. Dengan ini, pihak klien dapat mengenalpasti dan membuat pilihan terhadap kontraktor yang benar-benar layak dan berwibawa untuk melaksanakan projek-projek mereka.

Disamping itu juga, melalui parameter – parameter ini ia dapat memberi panduan kepada CIDB untuk mengenalpasti dan membina portfolio sesebuah syarikat pembinaan bagi tujuan pembangunan. Secara tidak langsung, kontraktor - kontraktor dapat dilatih atau dibantu oleh CIDB dengan cara lebih efektif berdasarkan kepada keperluan-keperluan yang dikenalpasti melalui sistem ini.

PERLAKSANAAN PROGRAM SCORE

Setiap kontraktor yang akan memperbaharui sijil pendaftaran kontraktor dengan CIDB akan dikehendaki untuk mengisi satu borang soalselidik. Pihak CIDB akan membuat penilaian keupayaan dan kemampuan kontraktor berdasarkan kepada borang tersebut serta maklumat yang diberikan. Pihak CIDB juga akan membuat pemeriksaan di pejabat / tapak bagi membuktikan kesahihan maklumat yang diberikan.

Bagi sebarang pertanyaan terhadap program SCORE, pembaca boleh menghubungi pegawai di Bahagian Pembangunan Kontraktor, CIDB Malaysia iaitu:

En. Suhaimi Mansor :
03-2617 0394 / mie@cidb.gov.my

En. Saini Saidi:
03-2617 0230 / ssaini@cidb.gov.my

DEFINITION OF ★ RATING

No Star	★	★★
Fulfill registration requirements and very basic operation.	Basic management and technical capability.	Satisfactory/ moderate management and technical capabilities.
★ ★	★ ★ ★ ★	★ ★ ★ ★ ★
Good management and technical capabilities, compliance to best practices and good project management.	Visionary leadership, efficient management and technical capabilities, compliance to best practices, innovative, very good integrated system and project management. Able to export services to international market.	Exemplary leadership, established brand presence, excellent management and technical capabilities, compliance to best practices, excellent integrated system and project management. Actively exporting services to international market.

MARKING SCHEME

No	Range of Points (%)	No. of STAR Rating
1	0 – 10	0
2	11 - 30	1
3	31 - 50	2
4	51 - 70	3
5	71 - 90	4
6	91 - 100	5

CODE OF ETHICS FOR CONTRACTORS: PRINCIPLE 2

COMPLIANCE with the LAWS and REGULATIONS



GURSHARAN SINGH C.M.I.I.A.
Trainer - Knowledge Sharer
- Audit Officer

The word 'ETHICS' originated from the Greek word 'ETHOS' meaning 'CUSTOM or CHARACTER' [Prof. Robert C. Solomon] and 'ETHICS' simply means to 'DO WHAT IS RIGHT'. Also 'ETHICS' refers to study of moral conduct of code of conduct. It concerns individual character including what it means to be a 'good person and social values on behavior concerning 'good and evil morality' which: refers to human conduct values. 'ETHICS' and 'VALUES' are generally interchangeable in many discussions. It is possible for actions to be in compliance with the laws and regulations but not necessarily ethical as it is more concerned with individual feelings. In this article the word 'ETHICS' includes reference to being in compliance with the prescribed Laws and Regulations applicable to the contractors.

Construction Industry Development Board ['CIDB'] issued a Code of Ethics ['ETHICS'] for Contractors that became effective on 1 March 2008 and was in line with the National Integrity Plan ['NIP'] launched by the Prime Minister of Malaysia on 23 April 2004. The objective was to instill the culture of 'ETHICS' in the construction industry especially among the contractors who are the implementers in the industry.

The first article on the 'Principle 1:

Honesty in Carrying out Responsibilities' has been published in the earlier issue of the 'BINA Integriti'. The scope of this article covers the second Principle listed in the 'CODE' that is 'Compliance with the Laws and Regulations'. Articles related to the other four Principles will be published in the forthcoming issues of 'BINA Integriti'.

► 2.0 Compliance with the Laws and Regulations

It is the primary responsibility of all contractors to comply with laws and regulations that are prescribed by the relevant Government Agencies and Regulatory Authorities. In addition the main contractors are also mandated to ensure that all appointed sub-contractors also comply with these laws and regulations.

Federal and State Governments and Local Authorities periodically issues and may amend the Laws and Regulations and other relevant Authorities having jurisdiction over contractors whose business is construction and has employees. The Laws and Regulations listed here may not be comprehensive. Contractors are required to ensure that the applicable Laws and Relations are current with all the amendments that have been approved. The onus to be aware of all the relevant Laws and

Regulations is on the contractors as ignorance of Laws and Regulations is not an acceptable reason or excuse in law for non-compliance. The main relevant Laws and Regulations are listed below together with some legal and financial implications.

- [a] All construction contractors are mandated to be registered with the 'CIDB' under the appropriate grade and category. The main contractors must ensure that their appointed sub-contractors are similarly registered with the 'CIDB' under the appropriate grade and category.
- [b] Contractors having construction contracts beyond a certain value limit are required to inform CIDB of the receipt of the contracts and pay the prescribed amount of levy within the prescribed period.
- [c] Contractors including appointed sub-contractors must employ workers who are citizens or foreigners with approved permits issued by the relevant Government Agencies. Further the illegal workers could be subject to arrest, prison and deportation. Further the foreign employees must always keep their relevant permits and documents for inspection by relevant authorities. Failure for non-compliance can result in the contractor

being subject of criminal action that could result in financial penalties or prison terms or both.

- [d] All construction workers must have 'Green Card' issued by 'CIDB'. The Green Card signifies that the worker has undergone the mandated training course that covers among others safety aspects. Further the 'Green Card' also provides insurance coverage against any accident for the workers on full time basis. Failure to employing workers without the 'Green Card' can result in them being removed from the worksite and exposure to accidents without any compensation.
- [e] All contractors must register themselves as employers and comply

- [iv] Terms of employment to be not less favorable than those prescribed in the 'Act';
- [v] Date of Payment of Wages;
- [vi] Statutory Deductions and others as approved but total not to exceed 50%;
- [vii] Employment of women is subject to further specific requirements;
- [viii] Paid public holidays and annual leave;
- [ix] Termination & lay-off benefits;
- [x] Reporting of accidents;
- [xi] Register with KWSP, PERKESO and Inland Revenue and remit dues as prescribed and within the period prescribed. Also maintain records for the duration prescribed for inspection of relevant authorities.

[f] Contractors must ensure that any technical professionals employed are registered with their professional regulatory authorities. Appointment of technical professionals on partial

services must be with the consent of the relevant Local Authority.

- [g] Contractors are also required to comply with registration procedures prescribed by other organizations who require contractors wishing to participate in construction contracts to be registered with them. Such organizations include the Malaysian Government Treasury and some of its specialized agencies such as the Works Department, Drainage and Irrigation Department, Local Authorities and some utility services providers such as power, telecommunication, etc.

- [h] Construction Site [Safety Management]
- [i] Contractors are required to ensure the Safety Management at any construction site. There are three main Acts that are relevant to this requirement. These are:

Factories and Machinery Act under which are Regulations relevant to the construction industry. The relevant Regulations include the following:

- Building Operations and Works of Engineering Construction;
- Safety, Health and Welfare;
- Electrical Passenger & Goods Lifts;
- Noise Exposure; and
- Mineral Dust.

Occupational Safety and Health that provides for the following aspects:

- Responsibilities of employees, Designers and Manufacturer/Suppliers;
- Safety of persons at work and others effected by any hazards;
- Role of OSHA as the legal tool used by the Authority; and
- Emphasis of self-regulations by industries that includes construction contractors.

Construction Industry Development Board is also required to provide leadership and guidelines, among others, ensure quality and high safety standards.

► 3.0 Abandoned Projects

The main contributory factors for the delayed/abandoned projects may be attributed to lack of the First Principle of the 'Code' i.e. 'Honesty in Self Evaluation' and lack of 'Honesty in Pricing of Contracts' as the contractors may have over extended their expertise and/or under estimated the logistical and financial resources. Another cause

SIX Principles of Code of Ethics for Contractors

- Principle 1: Honesty in Carrying out Responsibilities
- Principle 2: Compliance with the Laws and Regulations
- Principle 3: Respect for the Individual and Community
- Principle 4: Importance of Quality, Skills and Standards
- Principle 5: Importance of Safety and Health
- Principle 6: Importance of Environmental Preservation

with the Employment Act]' Act'. The main requirements of the 'Act' to be complied are:

- [i] Register with the nearest Labor Department within 90 days of commencement/registration or formation of their business. Failure to do so can be an offence that can result, if found guilty, liable on conviction to prescribed fines;
- [ii] Maintain register of employees and made available for inspection for prescribed minimum number of years;
- [iii] Provide safe system of work [as provided under the Factories & Machinery Act;

Seminar Integriti Industri Pembinaan 2009, 11 Jun 2009

MENTERI KERJA RAYA MENERAJUI

Program Pembangunan Integriti

INDUSTRI PEMBINAAN NEGARA

Usaha bagi meningkatkan imej serta menggalakkan nilai-nilai integriti di dalam industri pembinaan telah diteruskan lagi oleh CIDB dan IIM dengan penganjuran **Seminar Integriti Industri Pembinaan 2009** pada **11 Jun 2009** yang lalu. Seminar ini telah dirasmikan oleh Menteri Kerja Raya Malaysia, Y.B. Dato'

Shaziman Abu Mansor pada jam 10 pagi di Pusat Konvensyen CIDB, Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur. Y.B. Menteri telah menyampaikan amanat beliau buat kali pertamanya di dalam forum yang dihadiri oleh hampir seribu peserta seminar yang terdiri dari kalangan kontraktor, konsultan, wakil-wakil persatuan industri pembinaan dan anggota perkhidmatan awam yang berkaitan.

Y.B. Dato' Shaziman di dalam ucapan peras-

berkaliber. Sesi pembentangan Seminar Integriti Industri Pembinaan 2009 pula dimulakan sejak jam 9 pagi lagi oleh Prof. Dr. George Ofori dari National University of Singapore dengan tajuk '*Integrity in the Construction Value Chain*' yang banyak menyentuh tentang amalan terbaik di dalam industri pembinaan dengan contoh-contoh projek luar negara serta memperkenalkan konsep 'COST'.

Pembentang kedua ialah Prof. Syed Abdul Hamid Al-Junid dari The Inter-



Menteri Kerja Raya, Y.B., Dato' Dato' Shaziman Abu Mansor menyampaikan ucapan perasmian.



Y. Bhg Datuk Dr. Mohd Tap Salleh, Presiden Institut Integriti Malaysia mengendalikan sesi soal jawab bersama Prof. Dr. George Ofori.



national Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF) dengan tajuknya 'Values and Ethics in Business and Its Relevancy in the Economic Downturn' yang memberi penekanan berkaitan pembudayaan nilai integriti dan langkah-langkah menguatkuasakan Kod Etika Kontraktor dan kaitannya dengan keadaan ekonomi terkini.

Sementara itu, kertas kerja terakhir yang dipersembahkan oleh Penolong Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), En. Zarizal Ahmad yang bertajuk "Fraud In Construction Industri" yang menyentuh berkenaan penyelewangan di dalam projek pembinaan serta peranan SPRM di dalam membasmi rasuah serta amalan penyalahgunaan kuasa.

Kehadiran 1,000 peserta ke Seminar Integriti Industri Pembinaan 2009 dapat menggambarkan komitmen serta keprihatinan semua penggiat industri pembinaan termasuk kontraktor, juruperunding dan agensi kerajaan seperti JKR di dalam usaha memantapkan imej dan profesionalisme industri pembinaan negara di mata masyarakat umum. ■

Y.B. Dato' Shaziman di dalam ucapan perasmianya bertekad mendokong nilai-nilai murni integriti, kebolehan, kesetiaan serta dedikasi, di mana integriti merupakan nilai terulung yang diutamakan dengan pendekatan rakyat didahulukan dan pencapaian diutamakan.



Menteri Kerja Raya berkesempatan bertemu dengan peserta-peserta seminar.



Penceramah jemputan dari kiri, Prof. Syed Abdul Hamid Al-Junid, Prof. Dr. George Ofori dan En. Zarizal Ahmad




Values & Ethics in Business

BASIC ISSUES AND FRAMEWORK FOR CORPORATE EXCELLENCE

In recent years questions have been raised on the way ethics and business are being understood, practiced, taught and trained. The reverberations following the perceived greed, deceptions and excessive risk taking preceding the recent financial crisis appear to add vigor to this criticism. It seems that the “right way” to govern the financial and real estate sectors among others is and still elusive. Economic advancement seem to be nothing more than economic achievements based on the free reign of market motivated by ‘Gordon Gekko’s “greed is good” ethos. Unlike Adam Smith, modern interpretation of his ideas have been skewed to the unfettered role of self interest in liberalized market as the be all and end all of social progress. Non market institutions have been considered non-critical to effective functions of markets. The underpinning virtues of mutual trust are mere utterances. Similarly, obligations and responsibilities associated with transactions have been considered difficult to operationalize due to increasing complexity of markets especially secondary financial markets. The current backlash against the excessively high bonuses for so called value creation in speculative financial assets at the expense of the productive sector may not be illegal at the time they were created, but the

damage they have caused is definitely unethical and immoral. Yet there was no reason to believe that these executives were aware that the aggregative consequence of their ‘rationality’ would be so damaging. The PONZI scheme of Madoff is an extreme example of ethical and



moral consciousness gone completely awry. This is the case of knowingly and willingly doing something that is illegal and immoral while pretending to be moral and virtuous. As we uncover these questionable and unethical business manifestations of the “greed is good” ethos, there is a sense of skepticism as to whether or not values, virtues and ethics are things of the past.

Why are few powerful people given the space to destroy the lives of others? What happened to responsibility and integrity?

Why is there a neglect of ethics and values in the conduct of business that is eroding the social fabric of our nations and erodes the meaning of development and progress?

How can corporations and politicians restore the trust that has been depleted?

These are questions that will be foremost in the minds of the public at large.

Views on Business Ethics

